



**TEKS UCAPAN RAKAMAN  
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI  
KETUA MENTERI MELAKA  
SEMPENA  
SAMBUTAN TAHUN BAHARU HIJRAH 1443  
PERINGKAT NEGERI MELAKA  
BAGI TAHUN 2021 MASIHI**

**TARIKH: 6 OGOS 2021 (JUMAAT) MASA : 11.30 PAGI**

---

Bismillahirrahmanirrahim,

Dilafazkan selawat dan salam yang paling afdal ke atas Rasul junjungan Nabi Muhammad SAW.

***Allahuma Solli 'Ala Sayyidina Muhammad Wa'ala Ali Sayyidina Muhammad.***

Assalamualaikum warramatullahi wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

Muslimin dan muslimat sidang penonton dan pendengar sekalian,

## **MUKADIMAH**

1. Mengawali ucapan saya dengan membaca mafhum ayat suci al-Quran, daripada **surah Al-Baqarah, ayat 218** yang berbunyi:

***“Sesungguhnya orang-orang yang beriman, dan orang-orang yang berhijrah serta berjuang pada jalan Allah (untuk menegakkan Agama Islam), mereka itulah orang-orang yang mengharapkan Rahmat Allah. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”***

2. Berbekalkan Firman Allah SWT ini, menyeru kita untuk berhijrah, bersungguh-sungguh membuat amal kebaikan, serta meninggalkan segala larangannya kerana segala amalan kita akan

dihitung oleh Allah yang Maha Mengetahui segala yang nyata mahupun tersembunyi.

Muslimin dan muslimat yang dikasihi sekalian,

3. Alhamdulillah, segala kesyukuran yang tidak terhingga kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana kita sekali lagi diizinkan untuk bersama-sama menyambut kehadiran tahun baharu dalam kalendar Islam, yakni 1 Muharram 1443 Hijriyah.

4. Sesungguhnya kehadiran tahun baharu Islam 1443 Hijriyah mengingatkan kita tentang peristiwa hijrah Nabi Muhammad SAW dan para sahabat Baginda yang dengannya, pada hari ini kita mengecapi hebat dan puasnya bersama Islam sebagai cara hidup yang sesuai pada setiap masa, tempat dan zaman.
5. Umum mengetahui, peristiwa hijrah ini adalah rahmah buat umat Islam di negara ini mahupun seluruh dunia kerana ia merupakan satu perjalanan penting dan catatan sejarah terulung umat Islam yang perlu dihayati sepenuhnya.

6. Peristiwa hijrah memperlihatkan bagaimana Rasulullah SAW telah mempersaudarakan kaum muhajirin dan ansar, di samping mendamaikan pihak-pihak yang bertelagah termasuk orang Yahudi dalam membentuk sebuah negara.
  
7. Justeru, jelaslah bahawa, peristiwa hijrah ini memberi impak yang sangat besar dalam sesebuah institusi kerajaan, di mana Rasulullah SAW dapat membentuk kesatuan dan perpaduan umat di dalam masyarakat majmuk yang berbilang kaum.

Muslimin dan muslimat yang dikasihi sekalian,

### **MANHAJ RABBANI UMMAH BERKUALITI**

8. Hari ini umat Islam di seluruh dunia diuji hebat dengan wabak pandemik COVID-19 yang telah mengorbankan jutaan nyawa dan juga menjejaskan sistem ekonomi dunia. Oleh yang demikian, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya menyeru umat Islam untuk berlapang dada dan bersatu hati dalam



melawan wabak COVID -19 ini. Segeralah dapatkan suntikan vaksinasi untuk kita sama-sama memutuskan rantai wabak ini.

9. Tema sambutan tahun baharu hijrah pada tahun ini iaitu “**Manhaj Rabbani Ummah Berkualiti**” sangat bertepatan dengan situasi genting yang sedang kita hadapi pada hari ini. **Rabbani** bukan sahaja bermaksud sesuatu yang berkait dengan nilai ketuhanan, namun ia membawa pengertian yang lebih luas meliputi pelbagai aspek kehidupan.

10. Setiap amalan insan dalam kerangka konsep **Rabbani** bermaksud sebarang perbuatan atau pertimbangan seseorang individu hendaklah menjadikan Allah SWT sebagai sumber petunjuk utama di dalam kehidupan seharian.

Muslimin dan muslimat sekalian,

11. Bagi memastikan gagasan **Manhaj Rabbani** ini dapat dilaksanakan mengikut landasannya, kerajaan telah memperkenalkan dasar Manhaj Rabbani yang

berpaksikan **tiga** ciri utama iaitu **thaqafah (keilmuan), ruhiyyah (kerohanian)** dan **dakwah (aktivisme)** yang jelas memandu ummah ke arah cara kehidupan yang terbaik.

12. Berdasarkan tema tersebut juga, “**Ummah Berkualiti**” yang dimaksudkan ialah ummah yang meletakkan ciri rabbani sebagai keutamaan dalam cara hidup serta yang menjadikan al-Quran dan As-Sunnah sebagai rujukan utama dalam kehidupan.

13. **Ummah Berkualiti** perlu mempunyai keseimbangan antara jasmani, emosi, rohani dan intelektual dalam menempuhi cabaran hidup tanpa berkeluh kesah kerana kita perlu yakin bahawa segala yang berlaku; sebagai contoh wabak pandemik COVID -19 yang kita hadapi kini, sebagai qada' dan qadar daripada Allah yang mengandungi seribu satu hikmah tersembunyi.
14. Dalam konteks cabaran hari ini, dasar kerajaan bagi membendung wabak COVID-19 ini sejajar dengan Manhaj Rabbani yang bertujuan memelihara kemaslahatan ummah. Pelbagai usaha dan pelan

tindakan, seperti pelbagai Pakej Rangsangan Ekonomi telah dilaksanakan bagi membantu golongan yang terjejas mendepani cabaran pasca COVID-19 ini.

15. Lantaran itu, saya menyeru kepada semua umat Islam khususnya untuk menjadi ummah kelas pertama sebagaimana yang dimaksudkan dalam tema Maal Hijrah pada tahun ini untuk kita bersama-sama berganding bahu mendepani wabak COVID-19, seterusnya sama-sama berdoa semoga pandemik ini berakhir secepat mungkin.

Muslimin dan muslimat yang dikasihi sekalian,

## **PENUTUP**

16. Akhirul kalam, saya mengucapkan selamat menyambut Tahun Baru Hijrah kepada semua kaum muslimin dan muslimat. Marilah kita sama-sama mengorak langkah, melawan sifat mementingkan diri dan sentiasa melakukan kebaikan secara berterusan.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.